

فسوروحجاي باعونن كوالا لومفور

PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2617 1000

Faks : 03-26171040

Emel : cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : DBKL/JPPH/COBADMIN/2 (32)

Tarikh : 5 April 2021

22 Syaaban 1442H

PEKELILING COBKL 2021/03

Pemaju/

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)/

Perbadanan Pengurusan Subsidiari (Sub MC)/

Ejen Pengurusan/ Pentadbir

Bangunan Berstrata Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan,

ARAHAN PEMAKLUMAN MENGGUNAPAKAI MANUAL SALIRAN MESRA ALAM (MSMA) EDISI 2012 JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS) DAN MENJADIKAN SEBAGAI UNDANG-UNDANG KECIL (*HOUSE RULES*) BAGI PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN *ONSITE STORM DETENTION (OSD)/ DETENTION POND/ SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN (RAINWATER HARVESTING)* DI KAWASAN PEMAJUAN BERSTRATA.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, bagi mana-mana kawasan pemajuan berstrata yang mempunyai dan dilengkapi dengan sistem *onsite storm detention (OSD)/ detention pond/ sistem penuaian air hujan (rainwater harvesting)*, ianya adalah merupakan sebahagian daripada kawasan/harta bersama (*common property*). Oleh hal demikian, tanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus sistem tersebut adalah suatu kewajipan dan terletak hak sepenuhnya kepada pihak pengurusan di kawasan pemajuan berstrata. Bagi tujuan panduan penyenggaraan dan pengurusan sistem tersebut maka pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan boleh merujuk kepada **Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) Edisi 2012 Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)**.

Ruj. Kami : DBKL/JPPH/COBADMIN/2 ()

3. Selanjutnya bagi memastikan kelangsungan penyenggaraan dan pengurusan sistem tersebut dilaksanakan dengan baik dan efektif maka pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/ Puan diminta untuk menjadikannya sebagai tambahan ke atas **undang-undang kecil (house rules)** pihak pengurusan bagi mengelakkan perkara berbangkit kelak oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI HJ. MAHADI BIN CHE NGAH)
Datuk Bandar Kuala Lumpur merangkap
Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur

s.k **Ketua Pengarah**
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidman Perbandaran
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 27, No 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 Putrajaya

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandaraya

Untuk makluman dan perhatian YBhg Datuk dan tuan